

Siswazah Politeknik mudah dapat kerja

.....
MICHEAL SERING

KUCHING: Siswazah Politeknik Kuching Sarawak didapati semakin mudah mendapat pekerjaan dengan pihak industri selepas tamat pengajian apabila kadar kebolehdapatan pekerjaan siswazah terbabit mencecah sehingga sekitar 97 peratus tahun ini.

Pengarah Bahagian Hubungan Industri dan Kebolehpasaran, Jabatan Pendidikan Politeknik, Tung Chee Kuan berkata demikian dan mendedahkan kadar terbabit telah meningkat berbanding tahun lepas yang sudah pada peringkat yang tinggi dan cemerlang sekitar 92 peratus.

"Tahun lepas kadar kebolehdapatan pekerjaan kalangan graduan Politeknik Kuching Sarawak adalah tinggi sekitar 92 peratus tetapi tahun ini ka-

dar terbabit telah meningkat lagi kepada 97 peratus dan ini masih belum muktamat," katanya ketika sidang media selepas Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Jawatankuasa Penasihat Industri Tahun 2017-2018 di Bilik Mesyuarat Politeknik Kuching Sarawak, Jalan Matang, di sini, semalam.

Tung Chee Kuan berkata kadar 97 peratus terbabit masih belum angka yang muktamat kerana tahun ini belum berakhir, namun peningkatannya yang pasti berbanding tahun lepas menunjukkan graduan politeknik terbabit kini semakin mudah mendapat pekerjaan dengan pihak industri.

"Malahan kadar kebolehdapatan pekerjaan siswazah Politeknik Kuching Sarawak sekitar 92 peratus tahun lepas juga adalah lebih tinggi berbanding kadar itu bagi pering-

kat kebangsaan iaitu sebanyak 88.6 peratus," katanya.

Ini juga menjadikan Politeknik Kuching Sarawak antara 13 politeknik di seluruh negara ini yang berjaya mencapai kadar kebolehdapatan pekerjaan siswazahnya sehingga mencecah 90 peratus dan keatas sejak tahun lepas.

Menurutnya salah satu sebab politeknik di negara ini sukar mencapai kadar kebolehdapatan pekerjaan sehingga 100 peratus ialah ada kalangan graduannya yang enggan berhijrah ke kawasan perindustrian di bandar bagi mendapatkan pekerjaan.

Beliau berkata ketika ini keseluruhannya seramai 103,000 pelajar sedang menuntut di semua 36 politeknik di seluruh negara manakala seramai 5,213 pelajar terbabit sedang menuntut di Politeknik Kuching Sarawak.

UTUSAN SIKK 26/9/2017 KUCHING